

*Tarikh dibaca: 17 Mei 2019M / 12 Ramadan 1440H*

# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“RAMADAN BULAN PENDIDIKAN”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "RAMADAN BULAN PENDIDIKAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ<sup>١</sup> خَلَقَ  
الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ<sup>٢</sup> أَقْرَأْ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمُ<sup>٣</sup> الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمِ  
عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ<sup>٤</sup>  
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاَيَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Khutbah kita pada hari ini bertajuk "**RAMADAN BULAN PENDIDIKAN.**"

<sup>1</sup> Al-Alaq : 1-5.



## Muslimin yang dirahmati Allah,

Pendidikan adalah sebagai medan jihad. Oleh itu para pendidik yang berilmu hendaklah memainkan peranan sebagai seorang yang berjihad pada jalan Allah SWT. Ramadan al-Mubarak adalah bulan yang sangat mulia disisi Allah Azza Wajalla. Bulan ini adalah medan mendidik orang yang beriman supaya sentiasa meningkatkan ketakwaan bertakwa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى  
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ



“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

Ibadah puasa bukanlah semata-mata menahan diri daripada lapar dan dahaga, tetapi puasa adalah untuk mendidik peribadi menjadi orang yang taat lagi berbudi, berusaha mengingati kebesaran Allah SWT dengan melakukan segala kebaikan dan ketaatan, menjauhi segala larangan dan kemaksiatan, sama ada melalui perkataan, perbuatan ataupun hati.

Puasa mendidik kita mengatasi tekanan nafsu yang kuat, kerana orang yang sentiasa kenyang akan bertambah tinggi rasa keinginannya menurut nafsu yang sukar untuk dikawal.

Oleh itu puasa mendidik kita supaya terselamat daripada godaan dan dipengaruhi nafsu jahat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi daripada Muaz bin Jabal RadhiAllahu Anhu bahawa Rasulullah



SAW bersabda (الصَّوْمُ جُنَاحٌ) iaitu puasa itu adalah perisai, perisai yang dapat menahan diri daripada dipengaruhi nafsu jahat. Demikian juga puasa mendidik kita, membina kesihatan kerana sebahagian penyakit berpunca daripada makanan. Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang dikeluarkan oleh al-Tabrani daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu sabdanya, (وَصُومُوا تَصْحُّوا) berpuasalah kamu, kamu akan beroleh kesihatan.

### **Muslimin yang berbahagia,**

Amalan yang di syariatkan dalam bulan Ramadan adalah untuk memberikan beberapa didikan kepada kita. Sebagai contoh, melalui ibadah puasa Ramadan mendidik kita hidup sederhana, bersifat sabar, jujur dan ikhlas. Ramadan mendidik kita mendekatkan diri dengan Allah SWT, melalui solat sunat Tarawih, tadarus al-Quran dan iktikaf dalam masjid. Ramadan mendidik kita mengukuhkan persaudaraan dan melupakan persengketaan melalui solat secara berjemaah. Ramadan mendidik kita menjadi orang yang pemurah dengan menginfakkan harta sama ada sebagai zakat, wakaf ataupun sedekah dan juga melalui penyediaan juadah berbuka untuk mereka yang memerlukan.

Andai kata kita gagal menerima didikan ini, tidak mampu berpuasa lahir dan batin, tidak mampu mengekang anggota lahiriah daripada perkara maksiat, tidak mampu memadamkan dendam kesumat sesama sendiri tidak mampu meninggalkan perkara dusta dalam percakapan dan perbuatan, tidak berminat menginfaqkan harta walau sedikit, maka ia bererti kita tidak mendapat apa-apa didikan daripada bulan yang mulia ini. Ini bermakna puasa kita tidak ada nilai disisi Allah SWT dan sia-sialah puasanya,



sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَدْعُ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ  
حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدْعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

*"Sesiapa tidak meninggalkan perkataan bohong dan melakukannya, maka tidaklah ada hajat bagi Allah SWT pada makanannya dan minumannya yang di tinggalkan".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Oleh yang demikian, alangkah ruginya jika kita tidak mengambil kesempatan untuk melipat gandakan ibadah pada bulan yang di berkati ini, kerana mensia-siakan kedatangannya yang hanya setahun sekali.

Pendidikan Ramadan juga boleh membentuk individu dengan nilai kekuatan iman, takwa dan dengan semangat jihad yang tinggi. Sejarah telah membuktikan bahawa Umat Islam dahulu kuat dan berjaya mengalahkan musuh-musuh mereka pada bulan Ramadan. Sebagai contoh Perang Badar Kubra berlaku pada 10 Ramadan tahun kedua hijrah, Pembukaan Kota Mekah berlaku pada 20 Ramadan tahun kelapan hijrah, Salahuddin al-Ayyubi mengalahkan tentera salib dan membebaskan Baitul Maqdis juga berlaku pada bulan Ramadan.

### **Para jemaah yang dirahmati Allah,**

Pendidikan amat penting kepada manusia. Selain dari didikan Ramadan, maka didikan daripada guru secara langsung juga telah memainkan peranan sebagai ejen penyebar ilmu, pendidik dan pembina ketamadunan yang utama sepanjang zaman.



Tugas guru sebagai pendidik sebenarnya adalah warisan yang diwarisi daripada Rasulullah SAW. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعْثُتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْخَلَاقِ

"Sesungguhnya aku di utuskan bagi menyempurnakan akhlak yang baik."

(Riwayat Ahmad).

Sebagai menghargai besarnya peranan guru, maka 16 Mei ditetapkan sebagai sambutan hari guru peringkat Kebangsaan, tujuannya untuk menghargai jasa dan pengurbanan guru sebagai pendidik dan mengangkat martabat guru dan profesyen perguruan. Bahkan ketinggian martabat guru telah diangkat oleh Allah SWT sepetimana firman-Nya dalam surah Al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ إِيمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

"Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat."

Apa yang menarik perhatian kita, dimana Sambutan Hari Guru pada tahun ini disambut beserta dengan kedatangan bulan Ramadan, bulan yang diberkati, yang mentarbiah umat Islam supaya bertakwa. Kepada semua guru khususnya dalam masjid ini, kita mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan dan terima kasih atas khidmat dan sumbangan yang tidak ternilai mendidik generasi demi kemajuan agama, bangsa dan Negara.



Rasulullah SAW telah menempatkan posisi guru pada tempat yang terhormat. Hal ini telah dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Uthman Bin Affan RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ**

*"Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya."*

*(Riwayat Al-Bukhari).*

Di sinilah pentingnya peranan pendidik. Sempena bulan Ramadan ini, marilah kita bimbing anak didik kita membaca al-quran dan memberi kefahaman ajaran Islam yang betul yang bertepatan dengan ajaran al-Quran al-Karim kepada kita.

### **Muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita mengambil pengajaran daripada pendidikan Ramadan seterusnya menghayati tausiah berikut:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa puasa dalam bulan Ramadan adalah satu kewajipan yang pasti mengandungi hikmat yang banyak.
2. Umat Islam hendaklah berusaha meningkatkan ilmu dengan berguru, kerana ilmu dan guru adalah dua unsur yang tidak boleh dipisahkan.
3. Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Ramadan dan ibadah puasa serta solat Tarawih sebagai suatu madrasah yang dapat mendidik keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT.



4. Guru, Ibubapa, dan anggota masyarakat hendaklah bekerjasama dan berganding bahu untuk menangani gejala buruk yang sering berlaku dalam kalangan anak-anak kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ  
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ  
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."*

*(al-Tahrim : 6).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

\*\*\*\*\*



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ  
يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا.  
أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

أَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ



مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ  
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ  
تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَحَفْظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سلاُغُور، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ  
ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاُغُور، تَغْكُو  
أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، فِي أَمْنِ وَصَالَحِ وَعَافِيَةِ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ



# لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغٍ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor, dan Tabung Amanah Sumbangan Anak Yatim Yayasan Islam Darul Ehsan. Ya allah! Terimalah infaq mereka dan berilah ganjaran yang besar.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*